

(11) JK/MP 16 Jld. 5

21 Januari 2010.

Semua Pengarah Negeri
Semua Hakim Mahkamah Sesyen
Semua Timbalan Pendaftar
Semua Majistret / Penolong Kanan Pendaftar
Semua Pendaftar Mahkamah Rendah

Tuan/Puan,

KESELAMATAN FAIL-FAIL MAHKAMAH

Dengan hormatnya saya diarahkan oleh YAA Ketua Hakim Negara untuk merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Baru-baru ini satu insiden pengambilan fail tanpa izin telah berlaku di Mahkamah Majistret Ampang Selangor. Dalam kejadian tersebut kehilangan fail hanya disedari oleh pihak Mahkamah apabila terdapat laporan di surat khabar 'Kosmo' pada 12 Januari 2010.

3. Tuan/puan dinasihatkan agar setiap hari memastikan fail-fail disimpan di tempat yang selamat. Tindakan yang perlu diambil pada hari tersebut hendaklah dilaksanakan dengan segera sebaik-baiknya pada hari yang sama, seperti penyediaan dan pengeluaran waran tangkap dan sebagainya.

4. Oleh yang demikian tuan/puan hendaklah pada setiap masa memastikan fail-fail di bawah kawalan tuan/puan senantiasa disimpan dengan selamat dan teratur. Proses prosedur kerja berkenaan dengan pergerakan keluar/masuk fail mestilah diambil berat dan pemantauan yang berterusan dengan keselamatan fail mestilah dilakukan dari masa ke semasa.

5. Kejadian yang berlaku di Mahkamah Majistret Ampang tidak wajar berlaku. Sekiranya didapati pegawai/kakitangan terlibat dalam insiden seperti demikian tindakan tegas akan diambil terhadap mereka.

Kerjasama tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menurut perintah,



(HASNAH BINTI DATO' MOHAMMED HASHIM)

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

s.k.:-

- 1) YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya.
- 2) YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya.
- 3) YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya.
- 4) YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Kamar Hakim Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.
- 5) Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
- 6) Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
- 7) Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman